



Received: 2019-05-28

Accepted: 2019-07-08

Published: 2019-08-30

Original Article

## Sumbangan Wanita Dalam Bidang Tafsir: Sorotan Dari Zaman Awal Islam Hingga Abad Ke 18

### Women's Contribution in the Field of Quranic Interpretation: Anaylisis Since the Beginning of Islam Until the 18<sup>th</sup> Century

Maslina Muhammad,<sup>a\*</sup> Mustaffa Abdullah<sup>a</sup> & Monika@Munirah Abd Razzak<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of Al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

\* Corresponding author, email; ismas\_74@siswa.um.edu.my

#### ABSTRACT

The aims of this research is to identify and analyze the involvement of women in the field of Quranic interpretation since the beginning of Islam. Further study also have been made to determine and identify women's contributions specifically in the production of interpretations. This study uses historical and complete textual analysis methods. It was conducted by library research by referring to academic articles, paper works, books and *kitab* that is relevant to this topic. Indirectly, the methods have given the author more understanding about the topic of research. The study showed that women's involvement in the field of Quranic interpretation since the beginning of Islam proved the great contribution of women's *mufassir* in line with the *mufassirīn*. This study also shown that the work of Zīb al-Tafāsīr is a proof that succeeded in putting Zīb al-Nisā 'as a name which has a significant contribution in the field of Quranic interpretation.

**Keywords:** contribution, women's *mufassir*, Zīb al-Nisā, interpretation

#### Pengenalan

Kaum wanita sejak zaman awal Islam memainkan peranan serta melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan ilmu pengetahuan. Sejarah telah membuktikan wujudnya sumbangan dan penglibatan wanita dalam bidang fiqah, hadith, bahasa dan termasuk dalam bidang tafsir. Bahkan, madrasah tafsir terawal yang terbentuk dari *bayt al-nubuwwah* telah berjaya melahirkan ramai wanita dalam kalangan *ṣaḥābiyyāt* yang berperanan besar memberi sumbangan dalam bidang tafsir.

Namun pendedahan tentang penglibatan dan sumbangan wanita secara khusus dalam penghasilan karya-karya tafsir kurang diketahui umum. Bahkan agak sukar menemukan data dan maklumat tentang wanita yang ahli dalam bidang tafsir, malah hampir tiada dalam karya-karya *‘ulūm al-Quran* atau *manhaj al-mufassirīn* yang membariskan nama atau tokoh wanita yang berkebolehan dan pakar dalam bidang al-Quran sebagai seorang *mufassirah* atau ahli tafsir.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa karya biografi para *mufassirīn*, didapati data-data dan informasi tentang tokoh-tokoh tafsir dalam kalangan wanita atau *mufassirāt* pada peringkat awal Islam adalah sangat sedikit berbanding perolehan maklumat tentang para *mufassirīn*. Beberapa dapatan awal menunjukkan bahawa tumpuan kajian yang sering dilakukan oleh para pengkaji hanya tertumpu kepada kajian tentang sebilangan daripada ahli tafsir wanita selepas abad ke-19. Bahkan,

nama-nama bagi tokoh wanita hanya banyak direkodkan dalam karya-karya berkaitan bidang hadith, fiqah, sejarah dan tamadun peradaban manusia.<sup>1</sup>

Dalam penelitian terhadap karya *Hadiyyah al-‘Ārifīn Asmā’ al-Mu’allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* karangan Ismā‘il Bāshā al-Baghdādī,<sup>2</sup> iaitu salah sebuah karya biografi terawal yang memuatkan sejumlah yang ramai dalam kalangan para sarjana Islam yang memberi sumbangan besar dalam penulisan karya dalam pelbagai disiplin ilmu. Dari senarai panjang tersebut, hanya tercatat dua nama pengarang dalam kalangan wanita. Mereka ialah Zīb al-Nisā’<sup>3</sup> dan ‘Ā’ishah al-Bā’ūniyah<sup>4</sup>.

Manakala penelitian terhadap karya *Mu’jam al-Mufasssīrīn min Ṣadr al-Islām ḥattā al-‘Asr al-Ḥādīr* karangan ‘Ādil Nuwayḥāq, menunjukkan bahawa satu-satunya nama seorang *mufasssīr* wanita yang tercatat ialah Zīb al-Nisā’. Selain terkenal sebagai seorang sasterawan dan penyair, Zīb al-Nisā’ turut dinobatkan sebagai wanita pertama yang telah menghasilkan sebuah karya tafsir menerusi karya tafsirnya *Zīb al-Tafāsīr*.<sup>5</sup>

Penelitian terhadap karya *A’lām al-Nisā’ fī ‘Ālamay al-‘Arab wa al-Islām* karangan ‘Umār Riḍa Kuḥḥālāh, sebuah karya besar yang merekodkan ribuan data biografi wanita menunjukkan bahawa kebanyakan dari senarai nama wanita-wanita tersebut adalah terdiri daripada para *muḥaddithāt*,<sup>6</sup> dengan hanya sebahagian kecil daripada mereka menghasilkan karya-karya ilmiah secara khusus. Manakala kajian yang dilakukan oleh Dr. ‘Afāf ‘Abd al-Ghafūr, menjelaskan bahawa menjadi fitrah bagi kebanyakan wanita untuk lebih cenderung mendengar dan bercakap berbanding dengan minatnya dalam bidang penulisan. Sekalipun ada, bakat penulisan para wanita lebih menyerlah dalam bidang kesusasteraan seperti syair dan puisi,<sup>7</sup> sebagaimana bakat dan ketokohan tersebut yang ada pada diri ‘Ā’ishah al-Bā’ūniyah.

Beberapa kajian terkemudian turut memberi penekanan terhadap sejarah penglibatan wanita dalam bidang tafsir. Antaranya ialah dua buah kajian yang dilakukan oleh Dr. ‘Afāf ‘Abd al-Ghafūr Ḥamīd. Sorotan terhadap kajian tersebut, *Min Juhūd al-Mar’ah fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm fī al-‘Asr al-Ḥādīth*,<sup>8</sup> dan *Min Juhūd al-Mar’ah al-Mubṣīr li Nūr al-Qur’ān Awwal Juhd fī Tafsīr li al-Mar’ah*

<sup>1</sup> Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf, *al-Mu’allafāt min al-Nisā’ wa Mu’allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī*, cet. ke-2 (Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 2000), 14-15.

<sup>2</sup> Ismā‘il Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-‘Ārifīn Asmā’ al-Mu’allifīn Wa Athār al-Muṣannifīn* (1951; ulang cetak, Beirut: Dār Iḥya’ al-Turāth al-‘Arabī, 1955), 375.

<sup>3</sup> Zīb al-Nisā’ al-Hindiyyah, dikenali juga dengan Zīb al-Nisā’ Bīkum iaitu puteri kepada al-Shāh Muḥyī al-Dīn Urnak Zīb ‘Ālamkīr (1658M-1707M) iaitu Maharaja Mongol ke-enam di India.

<sup>4</sup> Nama sebenar ‘Ā’ishah al-Bā’ūniyah ialah ‘Ā’ishah bint Yūsuf bin Aḥmad al-Bā’ūniyah. Tiada catatan yang ditemui yang merekodkan tentang tarikh lahir beliau. Meninggal pada tahun 922H di Damascus. Beliau merupakan seorang penulis dan penyair yang terkenal dengan beberapa penghasilan karya-karyanya dalam bidang syair. Pengembaraan ilmunya ke Kaherah 1919H dan ke Halab, Syiria menjadikannya alim dalam pelbagai bidang ilmu. Pernah menjadi murid kepada Syeikh Ismā‘il al-Khawārizmī. Banyak menghasilkan karya-karya syair yang terkenal antaranya ialah *“al-Ishārāt al-Khafiyyah Fī al-Manāzil al-‘Aliyyah”* dan *“al-Durr al-Ghā’iṣ fī Baḥr al-Mu’jizāt wa al-Khawā’iṣ”*

<sup>5</sup> *“Zīb al-Tafāsīr”* merupakan sebuah karya tafsir yang dikarang dalam bahasa Parsi. Justeru, ia menjadi kekangan kepada pengkaji untuk memahami isi kandungan serta maklumat dari teks asal karya tersebut serta sukar untuk membuat kepastian terhadap beberapa kritikan serta dakwaan yang mempertikaikan tentang keaslian kitab tersebut. Antaranya ialah dakwaan yang menyatakan bahawa karya tafsir *“Zīb al-Tafāsīr”* hanyalah penterjemahan semula kepada karya tafsir *“Mafātīḥ al-Ghayb”* karangan Imam Fakh al-Dīn al-Rāzī.

<sup>6</sup> Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf, *al-Mu’allafāt min al-Nisā’ wa Mu’allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī*, cet. ke-2 (Beirut: Dār ‘Ibn Ḥazim, 2000), 12-13

<sup>7</sup> ‘Afāf ‘Abd al-Ghafūr Ḥamīd, *“Min Juhūd al-Mar’ah fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm fī al-‘Asr al-Ḥādīth”*, 171.

<sup>8</sup> ‘Afāf ‘Abd al-Ghafūr Ḥamīd, *“Min Juhūd al-Mar’ah fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm fī al-‘Asr al-Ḥādīth”*, Majallah Kuliyyah Sharī‘ah wa al-Dirasāt al-Islāmiyyah Bil 25, (2007).

*Ḥadīthān*,<sup>9</sup> mendedahkan penglibatan secara intensif ahli-ahli tafsir dalam kalangan wanita dalam bidang tafsir bermula dari zaman awal Islam sehingga ke hari ini.

Berdasarkan kepada semua justifikasi dapatan kajian ini, membuktikan bahawa walaupun pada hakikatnya wujud dalam kalangan wanita yang terdiri daripada *mufassirāt*, namun jumlah mereka yang direkodkan khusus sebagai *mufassirāt* tidak seramai *muhaddithāt* yang menjangkau angka 8000 orang, sepertimana yang direkodkan oleh Dr. Akram al-Nadwī dalam karyanya *al-Muḥaddithāt: The Women Scholars in Islam*.<sup>10</sup> Justeru, artikel ini ditampilkan sebagai rangkuman ringkas terhadap kajian dan penulisan terdahulu bagi melengkapkan pengkajian tentang sumbangan wanita dalam bidang tafsir.

### Sejarah al-Quran: Penglibatan Wanita Dalam Bidang Tafsir

Bermula dari penurunan wahyu pertama, maka bermulanya proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan percambahan ilmu tafsir al-Quran. Rasulullah SAW berperanan sebagai *mufassir* pertama yang mentafsir kitab suci al-Quran,<sup>11</sup> akan memberi penjelasan kepada para *Ṣaḥābah* tentang makna dan pentafsiran bagi setiap ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada baginda Rasulullah SAW. Manakala era pentafsiran al-Quran secara khusus dalam kalangan *Ṣaḥābah* Rasulullah SAW, bermula hanya selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW. Hal ini difahami secara jelas melalui firman Allah:

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٦٦﴾

Al-Naḥl 16:6

Terjemahan: Dan tiadalah Kami menurunkan Al-Quran kepadamu (Wahai Muhammad) melainkan supaya Engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisih padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Para *Ṣaḥābah* adalah antara orang yang mengetahui kebanyakan daripada makna-makna yang terdapat al-Quran.<sup>12</sup> Namun jika berlaku sebarang kemusykilan, para *Ṣaḥābah* terus merujuk kepada Rasulullah SAW untuk mendapatkan pencerahan terperinci.<sup>13</sup> Ini kerana, para *Ṣaḥābah* adalah orang yang paling arif mengenai al-Quran selepas baginda Rasulullah SAW, kerana mereka merupakan generasi yang hidup pada zaman al-Quran diturunkan. Dengan yang demikian, mereka lebih mengetahui masa, tempat dan *asbāb al-nuzūl* sesuatu ayat atau surah itu diturunkan.<sup>14</sup> Oleh itu, mereka dianggap sebagai generasi awal kepada pertumbuhan ilmu tafsir ini.

Namun, sebahagian ulama berpendapat tidak semua ayat al-Quran pada zaman Rasulullah SAW ditafsirkan oleh Rasulullah SAW kecuali sebahagian daripada al-Quran sahaja.<sup>15</sup> Sebagaimana

<sup>9</sup> 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "Min Juhūd al-Mar'ah al-Mubṣir li Nūr al-Qurā'n Awwal Juhd fī Tafsīr li al-Mar'ah Ḥadīthān" (makalah, Seminar al-Quran Antarabangsa II (Muqaddas II), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 22-23 Februari 2012).

<sup>10</sup> Mohammad Akram al-Nadwī, *al-Muḥaddithāt: The Women Scholars in Islam*, (Oxford, London: Interface Publications, 2007), 18. Lihat laman sesawang *Youtube*, "al-Muḥaddithāt: The Female Scholars of Islam, [https://www.youtube.com/watch?v=\\_M6K\\_4fTtTY](https://www.youtube.com/watch?v=_M6K_4fTtTY), di muat naik oleh Cambridge Islamic College pada 7 Mei 2014, diakses pada 18 Januari 2017.

<sup>11</sup> Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāḥij al-Mufasssīrīn*, cet.ke-5 (Damascus: Dār al-Qalam, 2012), 36.

<sup>12</sup> Ṣalāḥ al-Khālīdī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāḥij al-Mufasssīrīn*, 36.

<sup>13</sup> Al-'Ak, Khālīd 'Abd Raḥmān, *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1994), 33.

<sup>14</sup> Ṣalāḥ al-Khālīdī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāḥij al-Mufasssīrīn*, 37.

<sup>15</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaheerah: Maktabah Muṣṭafā al-Bab al-Ḥalabī, 1998), 2: 178-179.

Al-Qurṭubī turut menjelaskan bahawa buktinya ialah berdasarkan kepada periwayatan 'Ā'ishah RA bahawa Rasulullah SAW tidak mentafsirkan al-Quran kecuali yang dinyatakan oleh Jibrīl.<sup>16</sup>

Walau bagaimanapun, pada ketika itu sebarang tafsiran dan huraian para *Ṣaḥābah* terhadap sesuatu ayat tidak ditulis atau dibukukan. Hanya ayat-ayat al-Quran dan hadith sahaja yang ditulis oleh mereka. Bidang tafsir pada zaman Rasulullah SAW tidak berkembang pesat kerana hanya baginda Rasulullah SAW sahaja yang mempunyai autoriti sebagai pentafsir al-Quran selaras dengan tugas kerasulannya. Manakala para *Ṣaḥābah* lebih menumpukan perhatian terhadap pentafsiran dan pengajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.<sup>17</sup>

Suasana ini berterusan dalam kalangan para *Ṣaḥābah* dan *Ṣaḥābiyyāt* yang saling memahami ayat-ayat al-Quran serta tafsirannya mengikut tahap kefahaman masing-masing. Namun begitu, tahap kefahaman mereka terhadap ayat-ayat al-Quran ini berbeza-beza. Dalam hal ini, Dr. Ṣalāḥ al-Khālīdī menyatakan bahawa kesilapan faham sesetengah para *Ṣaḥābah* terhadap beberapa perntafsiran ayat al-Quran, hanya merupakan beberapa bentuk gambaran dari kelemahan biasa seorang manusia, kerana sekalipun setiap manusia telah mencapai tahap ilmiah yang tinggi, namun tidak sunyi daripada melakukan kesilapan.<sup>18</sup>

### Penglibatan *Ummahāt al-Mu'minīn* dan *Ṣaḥābiyyāt*

Penglibatan wanita dalam aktiviti keilmuan bertitik tolak dari kesungguhan para *Ṣaḥābah* dan *Ṣaḥābiyyāt* untuk mendampingi Rasulullah SAW. Mereka begitu teruja untuk sama-sama mendalami ilmu yang diajarkan oleh Rasulullah SAW, mendengar ayat-ayat al-Quran dan hadith, sekaligus untuk beramal dengannya serta mengajarkannya pula kepada orang lain.

Oleh itu, kaum wanita ketika itu sangat merasakan keperluan ini sehinggalah mereka datang kepada Rasulullah SAW, lalu meminta agar diadakan satu majlis ilmu khas untuk kaum wanita sahaja. Hal tersebut dinyatakan dalam sebuah hadith riwayat al-Bukhārī, daripada Abū Sa'īd al-Khudrī RA<sup>19</sup> menceritakan bahawa seorang wanita<sup>20</sup> pernah datang berjumpa dengan Rasulullah SAW:

جَاءَتْ امْرَأَةً إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَهَبَ الرِّجَالُ بِحَدِيثِكَ فَاجْعَلْ لَنَا مِنْ نَفْسِكَ يَوْمًا نَأْتِيكَ فِيهِ نُعَلِّمُنَا بِمَا عَلَّمَكَ اللَّهُ فَقَالَ اجْتَمِعْنَ فِي يَوْمٍ كَذَا وَكَذَا فِي مَكَانٍ كَذَا وَكَذَا فَاجْتَمِعْنَ فَأَتَاهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَّمَهُنَّ بِمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ<sup>21</sup>.

Terjemahan: "Wahai Rasulullah, orang lelaki sudah biasa datang kepadamu dan menimba hadith, maka jadikanlah untuk kami satu hari darimu sehingga kami dapat menemuimu dan kamu dapat mengajarkan kepada kami ilmu yang telah Allah ajarkan kepadamu. Lalu Rasulullah SAW berkata: Berkumpullah kalian pada hari ini dan ini, di tempat ini dan ini. Maka para wanita pun berkumpul dan Rasulullah SAW mengajarkan mereka ilmu yang telah Allah ajarkan kepadanya".

<sup>16</sup> Al-Qurṭubī. *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* ( Amman: Dār al-Fikr, 1993), 1: 21).

<sup>17</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥussayn. *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* ( Kaherah : Maktabah Wahbah, 1995), 1: 53-54.

<sup>18</sup> Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī, *Taṣwībāt Fi Fahm Ba'ḍ al-Āyāt*, ( Damsyik : Dār al-Qalam, 1995), 34.

<sup>19</sup> Nama sebenar perawi hadith adalah Sa'ad bin Mālik bin Sinān bin 'Ubayd, dikenali dengan *kunyahnya* Abū Sa'īd. Beliau adalah perawi dalam kalangan *Ṣaḥābah* dan wafat pada tahun 74H.

<sup>20</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menyebut dalam *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* bahawa wanita dalam hadith tersebut adalah Asmā' binti Abū Bakr. Lihat Aḥmad bin 'Aliy bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 13: 363.

<sup>21</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-'Itisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb Ta'lim al-Nabiy Ṣalla Allāh 'Alayhi wa Sallam Ummatahū min al-Rijāl wa al-Nisā' Mimmā 'Allamahu Allāh Laysa bi al-Ra'y wa Lā Tamthīlin, no. Hadith 7310. Lihat Aḥmad bin 'Aliy bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 13: 362.

Bermula dari majlis sedemikian, kaum wanita bertanya serba-serbi mengenai urusan agama tanpa rasa segan dan malu, lalu Rasulullah SAW menerangkan kepada mereka setiap persoalan yang diajukan kepadanya. Sikap kaum wanita tersebut telah mendapat pujian dari 'Ā'ishah RA yang pernah menyebut bahawa sebaik-baik wanita itu adalah wanita *Anṣār*, yang mana sifat malu tidak menghalang mereka untuk mendalami ilmu agama.<sup>22</sup> Hasil dari kesungguhan inilah, maka lahirnya para *muḥaddithāt* dan *mufassirāt* dalam kalangan *Ṣaḥābiyyāt*.

Asasnya, *madrasah tafsīr* terawal telah pun terbentuk dari *bayt al-nubuwwah* Rasulullah SAW sendiri dengan peranan yang dimainkan oleh *Ummahāt al-Mu'minīn*. Hasil keutuhan iman dan ketaatan teguh terhadap kalam suci Allah, maka ia telah melahirkan individu-individu hebat dalam kalangan *Ummahāt al-Mu'minin* sehingga mampu untuk turut sama memberi sumbangan mereka dalam bidang ilmu termasuk bidang tafsir.

Secara khusus, penglibatan wanita dalam bidang tafsir bermula dengan penglibatan isteri-isteri Rasulullah SAW dan para *Ṣaḥābiyyāt* lain yang hadir dalam majlis-majlis ilmu baginda Rasulullah SAW. sepanjang tempoh penurunan wahyu selama 23 tahun. Komitmen tersebut tidak terhenti walau selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW. Bahkan keperihatinan dan sikap ambil peduli para *Ṣaḥābiyyāt* telah menyerlahkan rasa pertanggungjawaban untuk turut serta berperanan melaksanakan segala arahan dan perintah Allah SWT. Hal yang sedemikian turut dinyatakan oleh al-Suyūṭī bahawa terdapat beberapa *asbāb al-nuzūl* ayat al-Quran diturunkan bagi menjawab persoalan yang ditanyakan oleh kaum wanita. Antaranya beliau menyebut bahawa sebab khusus yang melatari penurunan ayat 35 surah al-Aḥzāb adalah menjawab persoalan dari seorang wanita Ansar yang mempersoalkan tentang ayat-ayat al-Quran yang hanya menyebut tentang hal dan keadaan orang lelaki tanpa disebut tentang kaum wanita. Lalu diturunkan ayat <sup>23</sup> (وَالْمُؤْمِنَاتُ إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتُ ..... الْأَيَّةُ) <sup>23</sup> (وَالْمُؤْمِنِينَ)

Dalam kalangan *Ummahāt al-Mu'minīn*, peribadi yang paling menonjol keilmuannya ialah 'Ā'ishah RA.<sup>24</sup> Menurut al-Dhahabī, 'Ā'ishah RA merupakan salah seorang dari dua puluh orang sahabat Rasulullah SAW yang disebut secara khusus dalam kebanyakan kitab-kitab sirah sebagai salah seorang *mufassirīn*. Selain ketokohan beliau dalam bidang fiqh dan hadith, 'Ā'ishah RA juga merupakan seorang tokoh hebat dalam bidang tafsir. Biodata 'Ā'ishah RA turut diperincikan secara panjang lebar oleh 'Umār Riḍā Kaḥḥālāh dalam karyanya *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmī*.<sup>25</sup>

Keperibadian 'Ā'ishah RA turut terkenal dengan kecergasan akalinya dan ketinggian ilmu agamanya. Al-Dhahabī menyebut bahawa dalam kalangan *Ṣaḥābah*, tidak ada orang yang lebih alim selain 'Ā'ishah RA ketika itu.<sup>26</sup> Beliau juga disifatkan sebagai seseorang yang tidak mendengar sesuatu

<sup>22</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Ḥayḍ, Bāb Istiḥbāb Isti'māl al-Mughtasilah min al-Ḥayḍ Furṣah min Misk fī Mawḍi' al-Dam, no. Hadith 332. Lihat Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Khayr, 1994), 3: 13-14.

<sup>23</sup> Al-Suyūṭī. Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān Abī Bakr, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.,155.

<sup>24</sup> Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* (Kaherah : Maktabah Wahbah, 1995), 1: 68.

<sup>25</sup> Um al-Mu'minin 'Ā'ishah RA, nama sebenar beliau adalah 'Ā'ishah bint Abī Bakr al-Ṣiddīq. 'Ā'ishah RA lahir di Mekah pada tahun keempat selepas *bi'thah* (kerasulan SAW). Dalam hadith riwayat al-Bukhārī, ada dinyatakan bahawa Rasulullah SAW mengahwini 'Ā'ishah RA ketika umurnya enam tahun, iaitu pada tahun ketiga sebelum Hijrah. Lihat hadith al-Bukhārī, Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bab Tazwīj al-Nabiy Ṣallāllāhi 'Alaihi wasallam 'Ā'ishah wa Qudūmihā al-Madīnah, no. hadith 3894. 'Ā'ishah RA wafat di Madinah pada 17 Ramadhan tahun 58 Hijrah ketika usianya 66 tahun. Lihat 'Umār Riḍā Kaḥḥālāh, *A'lām al-Nisā' Fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmī* (Beirut, Mu'assasah al-Risālah, 1996), 4: 9-131, 'Uṣmah al-Dīn Karkar, *Al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawī* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyah, 1993), 51.

<sup>26</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996), 2: 139.

perkara yang tidak diketahuinya melainkan akan ditanya dan diselidiki perkara tersebut terlebih dahulu sehingga diketahui dan difahaminya dengan pasti.<sup>27</sup>

Kehidupan 'Ā'ishah RA bersama baginda Rasulullah SAW melalui perkahwinannya sejak umur muda telah memberi peluang kepada 'Ā'ishah RA mendapat pendidikan secara langsung daripada Rasulullah SAW, bahkan 'Ā'ishah RA antara orang yang paling banyak menyaksikan detik waktu diturunkan wahyu kepada baginda Rasulullah SAW, sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhārī bahawa 'Ā'ishah RA menceritakan:

وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يُنزَّلُ عَلَيْهِ فِي الْيَوْمِ الشَّدِيدِ الْبَرْدِ فَيَقْصِمُ عَنْهُ وَإِنْ حَبِئْتَهُ لَيَتَفَصَّدُ عَرَقًا<sup>28</sup>

"Sungguh aku pernah melihat turunnya wahyu kepada Rasulullah pada suatu hari yang sangat dingin sehingga baginda tidak sedarkan diri, sementara keringat bercucuran dari dahi baginda"

Banyak ilmu daripada Rasulullah SAW yang diterima secara langsung oleh 'Ā'ishah RA terutamanya yang berkaitan dengan tafsir al-Quran. Tidak ada dari setiap ayat al-Quran yang dibacakan kepadanya oleh baginda Rasulullah SAW melainkan dapat difahami oleh 'Ā'ishah RA setiap makna dan pentafsirannya.<sup>29</sup> Hal sedemikian tidak sekadar menjadikan 'Ā'ishah RA salah seorang dari *mufasssirin* yang berwibawa dalam kalangan *Ṣaḥābah*, malah beliau juga menjadi tempat rujukan utama para *Ṣaḥābah* berkaitan dengan segala permasalahan hukum fiqah<sup>30</sup> dan pentafsiran ayat-ayat al-Quran.

Selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW, maka 'Ā'ishah RA berperanan besar dalam menyuburkan kembali tugas dakwah yang ditinggalkan oleh baginda Rasulullah SAW dengan mengajar ilmu tafsir al-Quran di rumahnya. Maka bermula dari saat itu, lahirnya *madrāsah tafsīr* yang pertama di dunia. Selain banyak meriwayatkan hadith,<sup>31</sup> ketokohan 'Ā'ishah RA juga terserlah dalam perkara berkaitan tentang hukum fiqah serta pentafsiran al-Quran. Menurut al-Zarkashī,<sup>32</sup> dengan ketinggian ilmu 'Ā'ishah RA tiada siapa pun dalam kalangan *Ṣaḥābah* dan *tābi'īn* mampu menyangkal keilmuan beliau, bahkan beliau menjadi rujukan utama *Ṣaḥābah* dan *tābi'īn* dalam semua hal berkaitan agama sama ada dalam bidang al-Quran, hadith dan fiqah, selain menjadi tempat pakar rujuk sesama wanita.

'Abd Allāh Abū al-Sa'ūd Badr dalam karyanya *Tafsīr Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah Raḍīya Allāh 'Anhā*, telah memperincikan bentuk pentafsiran 'Ā'ishah RA. Menurut beliau, walaupun tidak kesemua ayat al-Quran ditafsirkan oleh 'Ā'ishah RA, namun corak pentafsiran 'Ā'ishah RA telah memberi ilham kepada para pentafsir generasi selepasnya. Jika ditelusuri lebih mendalam, dapat dilihat ciri manhaj tafsir 'Ā'ishah RA yang lebih menitik beratkan kepada permasalahan ilmu fiqah.<sup>33</sup>

<sup>27</sup> Hadith al-Bukhārī, Kitāb al-'Ilmi, Bāb Man Sami'a Shai'an Farāja'a Ḥattā Ya'rifuhu, no.Hadith 106. Lihat Aḥmad bin 'Aliy bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 1: 262.

<sup>28</sup> Hadith al-Bukhārī, Kitāb Bada'a al-Waḥy, Bāb Kayfa Kāna Bada'a al-Waḥy ilā Rasūl Allāh, no.Hadith 2. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1: 24.

<sup>29</sup> 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "Min Juhūd al-Mar'ah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm fī al-'Asr al-Ḥadīth", *Majallah Kuliyyah Sharī'ah Wa al-Dirasāt al-Islāmiyyah*, Qatar University, Bil 25, (2007), 171.

<sup>30</sup> 'Aṭa' bin Abī Rabāḥ (w.114H) menegaskan bahawa 'Ā'ishah RA merupakan orang yang paling faqih dan berilmu pada zamannya serta paling baik pendapatnya. Lihat 'Uṣmah al-Dīn Karkar, *Al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawī*, 50.

<sup>31</sup> Al-Dhahabī menyatakan bahawa 'Ā'ishah RA tergolong dalam tujuh orang yang paling banyak meriwayatkan hadith, di mana hadith yang diriwayatkannya ialah sebanyak 2210 hadith. Lihat 'Abd Allāh Abū al-Sa'ūd Badr, *Tafsīr Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah Raḍīya Allāh 'Anhā* ( Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1996), 10. Asal karya ini adalah sebuah tesis ijazah kedoktoran bagi pengarangnya tersebut, yang diijazahkan daripada Universiti Al-Azhar pada tahun 1981.

<sup>32</sup> Imam al-Zarkasyī (w.794H), dalam sebuah karyanya, telah menyenaraikan lebih daripada 24 orang *Ṣaḥābah* yang bertanya khusus kepada 'Ā'ishah RA dalam pelbagai permasalahan agama. Lihat Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī, *Al-Ijābah li Īrād Mā Istadrakathu 'Ā'ishah 'Alā al- Ṣaḥābah* cet.3 (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1980), 7.

<sup>33</sup> 'Abd Allāh Abū al-Sa'ūd Badr, *Tafsīr Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah Raḍīya Allāh 'Anhā* ( Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1996), 79-80.

Selain mahir ilmu tafsir, 'Ā'ishah RA merupakan satu-satunya wanita yang paling banyak meriwayatkan hadith. Nama beliau termasuk dalam lima orang perawi hadith dalam kalangan *Ṣaḥābah* selepas Abū Hurayrah, Ibn 'Umar, Anas bin Mālik dan Ibn 'Abbās. 'Ā'ishah RA turut meriwayatkan 2210 hadith dari baginda Rasulullah SAW, dengan 174 dari periwayatan hadith tersebut disepakati oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim.<sup>34</sup> Kelebihan ini menyerlahkan lagi metodologi 'Ā'ishah RA yang menggunakan sunnah Rasulullah SAW dalam pentafsirannya.

Beberapa riwayat turut menyebut beberapa kisah tentang bagaimana 'Ā'ishah RA membetulkan salah faham sebahagian daripada para *Ṣaḥābah* dalam memahami tafsiran ayat al-Quran. Imam al-Bukhārī, Muslim dan al-Tirmidhī meriwayatkan bahawa seorang *tābi'īn* bernama 'Urwah<sup>35</sup> datang berjumpa 'Ā'ishah RA bertanyakan tentang tafsiran ayat 158 surah al-Baqarah, berkenaan dengan hukum bagi amalan mengerjakan *sa'ī* antara Safā dan Marwah ketika melakukan ibadah haji. Ayat ini turun berkaitan dengan kaum Ansar ketika mereka belum Islam. Waktu itu, sesiapa yang berniat haji untuk patung sembah (Manāt), akan merasa berdosa bila harus juga melakukan ibadah *sa'ī* antara Safa dan Marwah. Lalu 'Ā'ishah RA memperbetulkan tanggapan silap tersebut serta memberi pencerahan sebenar tentang maksud ayat tersebut, bahawa amalan *sa'ī* antara Safa dan Marwah adalah salah satu syiar Islam yang wajib dilakukan ketika mengerjakan ibadah haji.<sup>36</sup>

Selain 'Ā'ishah RA, antara *Ṣaḥābiyyāt* yang turut berperanan dalam bidang tafsir al-Quran ialah 'Umm al-Salāmah,<sup>37</sup> Hind bint Abī Umayyah.<sup>38</sup> Beliau terkenal dengan kecerdikan dan kebijaksanaannya dalam urusan agama selain memiliki rupa paras yang cantik.<sup>39</sup> Antara kelebihan 'Umm al-Salāmah ialah, beliau dan 'Ā'ishah RA kedua-duanya merupakan antara wanita Islam yang terawal yang berkebolehan dalam membaca dan menulis ketika itu.

Antara yang menarik tentang 'Umm al-Salāmah RA ialah sikap ambil pedulinya tentang wahyu-wahyu yang diturunkan kepada baginda Rasulullah S.A.W. Bahkan ada beberapa riwayat yang menyebut perkaitan dengan pertanyaan Umm al-Salāmah kepada Rasulullah SAW, dan ianya menjadi *asbāb al-nuzūl* kepada beberapa ayat al-Quran yang diturunkan. Imam al-Suyūṭī dalam karyanya *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, telah membawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī bahawa *asbāb al-nuzūl* kepada ayat 195 surah Āli 'Imrān adalah hasil dari pertanyaan 'Umm al-Salāmah kepada Rasulullah SAW yang pernah berkata: "*Wahai Rasulullah, aku tidak mendengar Allah menyebut tentang wanita dalam peristiwa Hijrah*", lalu Allah menurunkan ayat tersebut.<sup>40</sup>

Selain daripada 'Ā'ishah RA dan 'Umm al-Salāmah RA, seorang lagi dalam kalangan *Ummahāt al-Mu'minin* yang memainkan peranan besar dalam perkembangan ilmu tafsir ketika itu ialah aitu Hafṣah

<sup>34</sup> Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubala'*, 2: 139.

<sup>35</sup> Beliau ialah 'Urwah bin al-Zubayr al-'Awwām, Abū 'Abd Allāh iaitu anak kepada Asma' binti Abī Bakr al-Ṣiddīq (w.58H).

<sup>36</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Hajj, Bab Wujūb al-Ṣafā wa al-Marwah wa Ju'ila min Sya'air Allāh, no. Hadith 1643. Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fathḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 3: 634.

<sup>37</sup> Umm al-Salāmah merupakan salah seorang daripada *Muhajirīn* yang berhijrah ke Madinah dan Habsyah. Terdahulu, 'Umm al-Salāmah telah berkahwin dengan Abū al-Salāmah, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Asad. Sekian masa setelah kematian suaminya Abū Salāmah, Rasulullah SAW telah mengahwini 'Umm al-Salāmah selepas berakhirnya Perang Badar pada Syawal tahun keempat Hijrah. Lihat 'Umār Riḍā Kaḥḥālāh, "*A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*", 5: 223, 'Uṣmah al-Dīn Karkar, *al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawī*, 251.

<sup>38</sup> Terdapat beberapa catatan berbeza mengenai nama sebenar bagi bapa 'Umm al-Salāmah. Dikatakan 'Umm al-Salāmah itu ialah Hind bint Sahl bin al-Mughīrah bin Makhzūm, manakala sebahagian catatan lain mengatakan bapanya adalah Ḥuzayfah. Lihat 'Umār Riḍā Kaḥḥālāh, "*A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*", 5: 221. Lihat juga 'Iṣmah al-Dīn Karkar, *al-Mar'ah fī al-'Ahd al-Nabawī*, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1993), 251, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *Kawākib al-Nisā'*, 108-114.

<sup>39</sup> 'Iṣmah al-Dīn Karkar, *al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawī*, 253.

<sup>40</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān Abī Bakr, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 52.

bint 'Umar al-Khaṭṭāb RA.<sup>41</sup> beliau juga merupakan salah seorang wanita yang mempunyai kebolehan membaca dan menulis<sup>42</sup> serta terkenal dengan kefasihannya bersyair dan melantuni kata-kata puitis. Selain itu, beliau juga terkenal sebagai seorang yang rajin berpuasa dan bersedekah<sup>43</sup> serta banyak membaca al-Quran selain turut meriwayatkan lebih 60 hadith daripada Rasulullah SAW.

Di sisi lain, para *Ṣaḥābah* amat menghormati Ḥafṣah RA dengan kelebihan dan kemuliaan peribadi dan akhlak Ḥafṣah RA. Justeru, para *Ṣaḥābah* meletakkan kepercayaan kepada beliau untuk menyimpan dan menjaga naskah al-Quran selepas kewafatan Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat menerusi peristiwa besar yang berlaku pada zaman Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq. Ketika itu, gerakerja pengumpulan al-Quran telah dilakukan atas cadangan 'Umar al-Khaṭṭāb RA. Lalu naskah al-Quran yang dikumpul itu di simpan di rumah Abū Bakr al-Ṣiddīq sehinggalah beliau meninggal dunia, kemudian berpindah ke tangan 'Umar al-Khaṭṭāb RA sehinggalah beliau juga meninggal dunia. Selepas itu naskah al-Quran itu disimpan pula oleh Ḥafṣah RA sendiri di rumahnya.

Naskah al-Quran tersebut tetap berada dalam simpanan Ḥafṣah RA sehinggalah sampai pada zaman Khalifah 'Uthmān bin 'Affān.<sup>44</sup> Suasana ketika itu masih dalam rangka dan proses menyiapkan gerak kerja penyalinan semula naskah al-Quran. Lalu Khalifah 'Uthmān bin 'Affān menghantar utusan kepada Ḥafṣah RA untuk beliau menyerahkan naskah al-Quran yang ada dalam simpanannya agar dapat disalin semula oleh beberapa orang penulis wahyu ke dalam beberapa naskah yang lain. Ia bertujuan bagi menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam bacaan al-Quran dalam kalangan orang Islam di wilayah-wilayah baru luar daripada Hijjaz.

Dengan itu jelaslah bahawa, para *Ṣaḥābiyyāt* di zaman awal Islam terlibat secara aktif dan berperanan memberi sumbangan masing-masing dalam bidang tafsir al-Quran. Ia tidak terhenti setakat itu sahaja, malah berterusan bagi generasi seterusnya sesudah mereka.

#### **Mufassirāt Dalam Kalangan Tabi'in dan Kurun-Kurun Selepasnya**

Generasi kedua dalam sejarah pengajian tafsir ialah peringkat tabi'in. Pada peringkat ini juga, terdapat beberapa kumpulan pengajian tafsir al-Quran, dengan sistem pengajiannya berdasarkan riwayat-riwayat dan ulasan-ulasan dari para *Ṣaḥābah* terhadap sesuatu ayat. Pada peringkat kedua inilah, maka lahirnya usaha-usaha menulis, menghimpun dan mengumpulkan pentafsiran-pentafsiran para *Ṣaḥābah* terhadap ayat-ayat al-Quran.<sup>45</sup> Namun menurut al-Dhahabī, tidak terdapat sebarang

<sup>41</sup> Ḥafṣah bint 'Umar al-Khaṭṭāb RA lahir di Mekah pada tahun kelima sebelum *al-nubuwwah*. Terdahulu, Ḥafṣah RA telah berkahwin dengan Khunays bin Ḥuzāfah al-Sahmī, sebelum Rasulullah SAW mengahwini beliau pada tahun ketiga Hijrah ketika usianya 20 tahun. Selain itu, kelebihan Ḥafṣah bint 'Umar al-Khaṭṭāb RA juga kerana beliau sebagai seorang ahli Badar. Terdapat perbezaan tarikh wafat Ḥafṣah bint 'Umar al-Khaṭṭāb RA, antaranya pendapat yang mengatakan beliau wafat pada tahun 45 Hijrah atau 41 Hijrah atau 27 Hijrah di Madinah. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 1: 274-276.

<sup>42</sup> Ḥafṣah RA telah belajar membaca dan menulis dengan al-Shifā' binti 'Abd Allāh al-Qurshiyah, iaitu seorang *Ṣaḥābah* yang telah memeluk Islam sebelum Hijrah. Beliau dikatakan mempunyai akal yang cerdas dan pandai membaca dan menulis sejak zaman Jahiliyyah. Beliau juga dikenali kerana mahir dalam bidang *ruqyah* (pengubatan). Sejak awal, beliau telah mengajar anak-anak perempuan menulis, antaranya termasuklah Ḥafṣah binti 'Umar al-Khaṭṭāb RA sebelum beliau berkahwin dengan Rasulullah SAW, malah setelah berkahwin pun Rasulullah SAW meminta al-Shifā' untuk terus mengajar Ḥafṣah RA bagi memperelokkan lagi bacaan dan tulisannya. Lihat 'Umār Riḍā Kaḥḥālāh, *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*, 2: 300-301. Lihat juga hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ruqyah, Bab Al-Bayān 'An al-Ruqyah, no. hadith 3389. Lihat Abū Dāwūd Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajjastānī, Sunan Abū Dāwūd, ed. Shu'ayb al-Arna'ūt (Beirut: Dār al-Risālah al-'Ālamīyyah, 2009), 5. Shu'ayb al-Arna'ūt menghukumkan hadith ini Ṣaḥīḥ.

<sup>43</sup> 'Ismah al-Dīn Karkar, *Al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawiy* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiy, 1993), 250.

<sup>44</sup> Dalam tulisan Dr. Zulkifli Yusoff, beliau menyatakan beberapa sebab mengapa Ḥafṣah RA lebih utama dan lebih layak untuk menyimpan naskah al-Quran. Antaranya ialah kerana Ḥafṣah RA telah menghafaz seluruh isi al-Quran serta beliau juga boleh membaca dan menulis, selain daripada 'Umar al-Khaṭṭāb RA sendiri telah mewasiatkan supaya naskah al-Quran itu disimpan di rumah Ḥafṣah RA. Lihat Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *Kunci Mengenal al-Quran* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996), 149.

<sup>45</sup> Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Min Rawā'i' al-Bayān* (Damsyik: Maktabah al-Farabī, t.t.), 1: 74.



pembukuan karya tafsir dilakukan pada zaman ini, kerana pembukuan terhadap bentuk pentafsiran al-Quran hanya bermula pada kurun kedua Hijrah.<sup>46</sup>

Pada peringkat ini, nama Ḥafṣah bint Sirīn<sup>47</sup> tersenarai di antara tokoh wanita yang hebat dalam pelbagai bidang ilmu. Beliau juga terkenal sebagai seorang ahli ibadah dan faqih, selain ketokohnya dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan periwayatan hadith. Kemahirannya dalam bacaan al-Quran bermula sejak umurnya 12 tahun.<sup>48</sup> Dinyatakan juga bahawa beliau sentiasa iktikaf di dalam masjid, membaca separuh dari al-Quran pada setiap malam dan berpuasa sepanjang tahun kecuali pada dua hari raya. Bahkan apabila berlaku perselisihan dalam cara bacaan al-Quran yang betul atau untuk mendapatkan sesuatu kepastian tentang pentafsiran al-Quran, maka orang ramai turut menjadikan Ḥafṣah bint Sirīn sebagai tempat rujukan<sup>49</sup>. Beliau wafat pada tahun 101 H ketika usianya 71 tahun.

Seterusnya, antara *mufasssirah* lain yang turut dikenal pasti ialah Nafīṣah binti al-Ḥasan bin Zayd bin al-Ḥasan bin ‘Alī bin Abī Ṭālib. Beliau lahir di Mekah pada tahun 145 Hijrah dan membesar di Madinah. ‘Umār Riḍā Kaḥḥālāh menyifatkan Nafīṣah binti al-Ḥasan sebagai seorang ahli ibadah yang soleh, zuhud dan wara’. Beliau juga menghafal al-Quran serta alim dalam bidang tafsir dan hadith.<sup>50</sup>

Pada kurun keempat, iaitu ketika era Islam berada ditampuk kegemilangannya di Andalusia, golongan wanita Andalusia ketika itu memainkan peranan besar dalam perkembangan dakwah Islamiah selain terkenal dengan sumbangan mereka dalam bidang ilmu agama, terutamanya menerusi penglibatan mereka dalam bidang al-Quran, bahkan, kaum wanitanya juga sangat mengambil berat dan memiliki sikap ambil peduli terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran. Wanita Andalusia yang terkenal dengan kemahiran membaca al-Quran, turut berperanan dan terlibat dalam projek penulisan mashaf melalui seni tulisan khat yang halus dan cantik. Dinyatakan juga menerusi sumber-sumber sejarah bahawa di Qurtuba sahaja terdapat lebih 170 orang wanita yang terlibat dengan penulisan mashaf menggunakan khat Kufi.<sup>51</sup>

Salah seorang daripada wanita Andalusia yang terkenal ketika itu ialah Ibnah Fāiz al-Qurṭubī. Beliau terkenal dengan kemahirannya dalam tilawah al-Quran, selain alim dalam bidang tafsir al-Quran. Beliau juga telah mempelajari ilmu tafsir, Bahasa Arab dan syair dengan bapanya sendiri, Shaykh Fāiz, serta berguru dengan suaminya dalam mendalami ilmu fiqah. Bahkan Ibnah Fāiz al-Qurṭubī juga sering keluar dari kota Qurtuba dan Velence bagi menghadiri majlis-majlis ilmu dan berguru dengan para ulama’. Antaranya ialah beliau berguru beliau dengan Abū ‘Amrū al-Dānī ( w.444H ), bag mempelajari ilmu Qirā’at.<sup>52</sup>

Beberapa orang *mufasssirah* lain yang turut dikenal pasti pada kurun tersebut ialah Ṭunah binti ‘Abd al-‘Azīz bin Mūsa (437H- 506H, yang lebih dikenali dengan *kunyahnya*, Ḥabībah.<sup>53</sup> Beliau dinyatakan sebagai seorang wanita solehah, berpegang teguh dengan agama, turut terkenal dengan kemahirannya dalam tilawah al-Quran dan hafazan, dan banyak mendalami ilmu agama dengan gurunya Abī ‘Umar bin ‘Abd al-Birr al-Ḥāfiẓ. Manakala pada kurun kelima Hijrah, ada catatan yang

<sup>46</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad Husayn, *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn* ( Kaherah:Maktabah Wahbah, 1995) 1: 105.

<sup>47</sup> Ḥafṣah binti Sirīn , merupakan salah seorang dalam kalangan tabi’in yang tinggal di Basrah. Lihat ‘Umār Riḍā Kaḥḥālāh, *A’lām al-Nisā’ fī ‘Ālamay al-‘Arab wa Islāmi*, 1: 272-274.

<sup>48</sup> Nā’ilah Hāshim Ṣabrī, *Kawākib al-Nisā’* ( Jerusalem : Maṭba’ah al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2007), 287.

<sup>49</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubala’*, 1:273. Lihat juga Jamāl al-Dīn Abī al-Faraj Ibn al-Jawzī, *Ṣifah al-Ṣafwah*, cet.ke-2 ( Beirut: Dār al-Ma’rifah,t.t), 4 : 21.

<sup>50</sup> Diceritakan bahawa Nafīṣah binti al-Ḥasan wafat di tempat pembaringannya sesudah beliau membaca ayat 127 surah al-An’am, pada tahun 208H. Lihat ‘Umār Riḍā Kaḥḥālāh, *A’lām al-Nisā’ fī ‘Ālamay al-‘Arab wa Islāmi*, 5: 187.

<sup>51</sup> Fā’izah binti Ḥamzah ‘Abbās, “Ṣuwar min ‘Iṣāmāt al-Mar’ah al-Andalūsiyyah fī al-Ḥayah al-Thaqāfiyyah fī ‘Aṣr al-Ṭawā’if” (makalah, *Jurnal Kuliyyah al-Tarbiyyah al-Asāsiyyah*, Jilid 3 Bil 3, 2005), 163.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 163-164.

<sup>53</sup> Portal rasmi A’lām al-Andalus wa al-Maghrib, “ Mawsū’ah A’lām al-Andalus wa al-Maghrib”, diakses pada 29 Julai 2017, <http://www.chaachoo.net/mawsou3a2/about.php>.

menyebut bahawa seorang *mufassirah* iaitu Yasmīnah al-Sirawandiyah, juga merupakan seorang pendakwah yang turut mentafsirkan beberapa surah dari al-Quran.<sup>54</sup>

Selain itu, pada awal kurun kedua belas, nama Qurrah al-'Ain binti Šālih al-Qazwīnī<sup>55</sup> merupakan salah seorang wanita yang mempunyai ketokohan dalam bidang tafsir. Antaranya ialah beliau menghafal keseluruhan al-Quran serta mahir dalam bidang tafsir dan *ta'wil* al-Quran. Bapa beliau, Šālih al-Qazwīnī merupakan seorang yang alim dalam bidang fiqah pada zaman tersebut, juga merupakan salah seorang tokoh besar dalam ajaran Syiah. Qurrah al-'Ain binti Šālih dikatakan sangat terpengaruh dengan bapanya dalam menyebarkan ajaran Syiah. Hal sedemikian dapat dilihat jelas melalui perincian biodata Qurrah al-'Ain binti Šālih sebagaimana yang direkodkan oleh 'Umār Riḍā Kaḥḥālah dalam karyanya, *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*.<sup>56</sup>

### Penulisan dan Pembukuan Karya Tafsir

Ketamadunan ilmu dilihat semakin pesat berkembang hasil daripada ledakan penyebaran ilmu menerusi penulisan karya-karya sarjana Islam dalam pelbagai disiplin ilmu. Bahkan secara tidak lansung, kemajuan tamadun manusia dalam pelbagai aspek lapangan ilmu tersebut turut menyaksikan kesan besar terhadap sejarah pengajian serta penulisan ilmu tafsir.

Berdasarkan penelitian al-Dhahabī, perkembangan ilmu tafsir melalui lima peringkat utama. Peringkat yang paling pesat dengan aktiviti penulisan ilmu tafsir adalah pada peringkat ketiga, iaitu iaitu peringkat pembukuan tafsir atau *marhalah tadwīn*, di mana ayat-ayat al-Quran secara khusus mula ditulis dan dibukukan. Ia bermula pada zaman para tabi'in iaitu pada akhir pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah (661-750 M) dan awal pemerintahan kerajaan 'Abbasiyah (750-1258M).<sup>57</sup>

Zaman ini juga merupakan fasa penyusunan ilmu yang disusun mengikut bidang-bidang keilmuan tertentu. Penyusunan ilmu dalam bidang al-Quran dan al-Hadith terpisah dengan penyusunan yang lebih khusus. Ilmu-ilmu al-Quran seperti ilmu *tafsir*, *qirā'at*, *i'jāz al-Qur'ān*, *asbāb al-nuzūl* dan lain-lain juga turut berkembang dan membentuk pengkhususan yang tersendiri.<sup>58</sup> Namun pada masa yang sama, terlalu sukar untuk menentukan secara khusus dan pasti, siapakah individu pertama yang telah membuat pentafsiran ayat-ayat al-Quran secara khusus serta membukukannya dalam bentuk penyusunan yang teratur berdasarkan tertib penyusunan ayat ayat al-Quran dalam mashaf.

Berdasarkan beberapa catatan biografi dan latarbelakang kehidupan beberapa tokoh dalam kalangan tabi'in, maka al-Dhahabī telah merumuskan bahawa usaha pembukuan bagi pentafsiran al-Quran bermula pada zaman pemerintahan khalifah 'Abd al-Mālik bin Marwān (w. 86H), apabila beliau mengarahkan Sa'īd bin Jubayr RA (w.95H), menulis untuknya tentang tafsir al-Quran. Lalu Sa'īd bin Jubayr RA telah berusaha bagi menyiapkan pentafsiran al-Quran tersebut dan dikumpulkan dalam bentuk kitab. Usaha tersebut telah selesai dilaksanakan sebelum kewafatan 'Abd al-Mālik bin Marwān pada tahun 86 Hijrah<sup>59</sup>.

Pada akhir pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah ini juga, perkembangan pesat dalam pengajian ilmu-ilmu agama semakin bertambah rancak, sejajar dengan perkembangan dan pembukuan karya-

<sup>54</sup> Yasmīnah al-Sirawandiyah ( m.502H). Secara umum, agak sukar bagi pengkaji untuk mendapatkan biodata lengkap bagi beberapa orang *mufassirah*, melainkan menerusi sandaran data dan maklumat yang direkodkan oleh 'Umār Riḍā Kaḥḥālah. Lihat 'Umār Riḍā Kaḥḥālah, *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*, 5:295.

<sup>55</sup> Nama asal Qurrah al-'Ain binti Šālih ialah Umm Salmā Hānim. Beliau lahir di Qazwin pada tahun 1231H. Terdapat juga beberapa gelaran lain yang diberikan kepada Qurrah al-'Ain binti Šālih yang menggambarkan keperibadian dan keilmuannya.

<sup>56</sup> 'Umār Riḍā Kaḥḥālah, *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmi*, 4: 192-204.

<sup>57</sup> Al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, 1 : 153.

<sup>58</sup> Mannā ' Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* ( Kaherah : Maktabah Wahbah, 1988 ), 334.

<sup>59</sup> *Ibid.*, 155.

karya para ulama termasuk karya-karya dalam bidang tafsir. Penulisan dan pembukuan karya-karya tafsir al-Quran terus berkembang pesat mewarnai corak pengajian dan pentafsiran al-Quran selama beberapa dekad lamanya. Hampir kesemua dari hasil karya-karya tafsir tersebut didominasi oleh para *mufasssīrīn*. Pada zaman ini juga, munculnya karya-karya tafsir al-Quran dengan pelbagai bentuk mazhab dan *manhaj tafsir*<sup>60</sup> masing-masing dengan dipelopori oleh nama-nama besar seperti seperti Ibn Jarīr al-Ṭabarī,<sup>61</sup> al-Qurṭubī,<sup>62</sup> Ibn Kathīr,<sup>63</sup> al-Suyūṭī,<sup>64</sup> al-Bayḍawī, al-Zamakhsharī dan sebagainya.

Pada akhir abad ke-19, berlakunya ledakan pembaharuan dalam bidang dakwah dengan kemunculan pembaharuan dan revolusi pemikiran dalam penghasilan karya-karya seperti pemikiran *islāh* dan *tajdīd*. Menurut Dr. Ṣalāh ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī,<sup>65</sup> pengaruh pemikiran tokoh-tokoh dakwah ketika itu tersebar luas melalui karya-karya karangan mereka. Masing-masing mengemukakan idea-idea pembaharuan yang mereka pelopori dalam pelbagai bidang ke dalam bidang penulisan termasuk ke dalam karya-karya tafsir.

Maka lahirlah karya-karya tafsir seperti *Tafsīr al-Manār* oleh Shaykh Muḥammad ‘Abduh<sup>66</sup> dan Rashīd Riḍā<sup>67</sup>, *Tafsīr fī Zilāl al-Qur’ān* oleh Sayyid Quṭb, diikuti dengan karya tafsir di Nusantara seperti *Tafsīr al-Azhār* oleh HAMKA<sup>68</sup> dan sebagainya. Kehebatan dan kewibawaan tokoh-tokoh mufasssīrīn ini

<sup>60</sup> Menurut al-Dhahabī, manhaj tafsir yang utama terdiri dari *tafsīr bi al-ma’tḥūr* dan *tafsīr bi al-ra’y*. Adapun *tafsīr bi al-ma’tḥūr* merujuk kepada bentuk pentafsiran ayat al-Qur’an dengan ayat al-Qur’an yang lain serta tafsiran dari riwayat hadith-hadith Nabi dan pendapat para sahabat. Manakala *tafsīr bi ra’y* pula ialah pentafsiran yang berdasarkan kepada beberapa pendapat dan ijtihad para mufasssīrīn dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Lihat al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, 1 : 163-165.

<sup>61</sup> Ibn Jarīr al-Ṭabarī dilahirkan pada tahun 224 Hijrah di Amal Tabaristan dan meninggal dunia pada tahun 310 Hijrah di Baghdad. Antara *mufasssīr* terawal yang membukukan pengkajian tafsir iaitu *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*. Ibn Jarīr al-Ṭabarī merupakan pengasas kepada tafsir *al-Atharī al-Nazarī*, yang mengutamakan metodologi *al-ma’tḥūr* dan disusuli dengan *ijtihād*, *istinbāt* dan *istidlāl*. Lihat al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, 1: 215-217. Lihat juga Fauzi Deraman et al., *Pengantar Usul Tafsir* (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Intel Multimedia and Publication, 2006), 81-82.

<sup>62</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Khazrajī al-Andalusī al-Qurṭubī. Beliau merupakan seorang ahli tafsir terkenal yang lebih masyhur dengan nama al-Qurṭubī. Beliau merupakan anak watan yang berasal dari Cordova, Sepanyol. Beliau telah mengikut keluarganya berpindah ke Mesir dan menetap di Maniyyah Ibn Khasib sehingga ke akhir hayatnya. Beliau telah meninggal dunia pada malam Isnin 9 Syawal tahun 671H.

<sup>63</sup> Ibn Kathīr, iaitu al-Imam al-Jalīl al-Ḥafīz ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl Ibn ‘Amru Ibn Kathīr Ibn Dhu’ Ibn Kathī al-Baṣrī al-Dimishqī al-Fāqih al-Shāfi’ī. Dilahirkan pada tahun 700 Hijrah dan meninggal dunia pada bulan Sha’ban pada tahun 774 Hijrah. Hasil karya beliau yang teragung sehingga pada hari ini ialah *Tafsīr Ibn Kathīr* yang cukup dikenali sebagai salah satu *tafsīr bi al-ma’tḥūr*. Lihat Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Mughrāwī, *al-Mufasssīrūn Bayna al-Ta’wīl wa al-Ithbāt fī Āyāt al-Ṣifāt* (Muassasah al-Risālah, t.t.), 2:605. al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, 1 :252-254.

<sup>64</sup> Imam al-Suyūṭī adalah antara ulama yang masyhur dengan kapasiti keilmuan yang cukup hebat. Telah menghasilkan beratus buah buku dalam pelbagai disiplin ilmu dan antara karya terulung ialah *Tafsīr al-Dur al-Manthūr*, sebuah tafsir yang besar. Beliau dilahirkan pada tahun 849 H dan wafat pada tahun 911 H. Lihat Fahd ‘Abd Raḥmān Ibn Sulaymān al-Rūmī, *Buhūth fī Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuhu* (t.tp: Maktabah al-Tawbah, 1997), 151.

<sup>65</sup> Ṣalāh ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Ta’rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*, 561.

<sup>66</sup> Shaykh Muḥammad ‘Abduh (m.1905M), lahir di daerah al-Buhayrah, Mesir pada tahun 1849. Beliau merupakan antara nama dan tokoh tafsir terkenal abad ini yang membawa idea dan agenda pembaharuan dengan menumpukan dakwah islahnya dalam bidang pendidikan dan politik. Idea-idea islah beliau turup meresap dalam penulisan kitabnya *Tafsīr al-Manār*. Lihat Faḍl Ḥasan ‘Abbās. *al-Mufasssīrūn Madārisuhum wa Manāhijuhum*, 15.

<sup>67</sup> Nama penuh beliau ialah Muḥammad Rashīd Riḍā bin al-Sayyid ‘Alī Riḍā bin Muḥammad Shams al-Dīn. Dilahirkan pada 27 Jamādīl Awal tahun 1282H bersamaan 23 September 865M di al-Qalamun, sebuah perkampungan kecil di Syria. Rashīd Riḍā adalah seorang *mufasssīr* yang terkenal menerusi karyanya *Tafsīr al-Manār*. Selain itu beliau juga merupakan seorang reformis Islam yang terkenal pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20 menerusi idea-idea pembaharuan Islam dalam aspek agama, pendidikan, sosial dan politik. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī, *al-A’lām* ( Beirut : Dār al-‘Ilmi li al-Malāyīn,1995), 6: 126.

<sup>68</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah lahir atau lebih dikenali sebagai HAMKA, lahir pada Ahad 17 Safar 1296 H bersamaan 10 Februari 1908 di Nagari Sungai Sebatang, Tanjung Raya, Kabupaten Agam, Sumatera Barat, Indonesia, meninggal pada 24 Julai 1981 ketika usianya 73 tahun. Beliau merupakan seorang penulis dan ulama terkenal Indonesia yang banyak

turut memberi dampak dan pengaruh yang besar terhadap gerakan dakwah Islamiah di seluruh pelosok dunia.<sup>69</sup>

### Sejarah Awal Penulisan Karya Tafsir Wanita

Penglibatan wanita dalam bidang tafsir pada peringkat awal Islam lagi telah membuktikan bahawa wanita tidak pernah ketinggalan dalam memberi sumbangan mereka. Walaupun ia bukan dalam saiz dan skala yang besar sebagaimana sumbangan golongan lelaki, namun tetap ada personaliti yang tercatat dalam sejarah sebagai penyumbang dalam penghasilan karya-karya tafsir.

Setelah merentasi beberapa fasa perkembangan sejarah ilmu tafsir, masa menyaksikan seolah-olah tiada sebarang petunjuk yang menunjukkan wujudnya sumbangan wanita dalam bentuk penghasilan karya tafsir secara khusus. Antara faktor yang menyumbang ke arah hal sedemikian ialah berdasarkan rumusan awal yang dibuat menerusi penelitian terhadap beberapa karya, antaranya karya *al-Mu'allafāt min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī* karangan Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf,<sup>70</sup> serta kajian yang dilakukan oleh oleh Dr. 'Afāf 'Abd al-Ghafūr.

Dapatan awal menunjukkan bahawa selain faktor kecenderungan minat dan fitrah wanita yang lebih cenderung untuk mendengar dan bercakap berbanding dengan minatnya dalam bidang penulisan. Sekalipun ada, bakat penulisan para wanita lebih menyerlah dalam bidang kesusasteraan seperti syair dan puisi.<sup>71</sup> Ia juga menjadi suatu kelaziman bagi jalan periwayatan hadith yang lebih tertumpu kepada proses pendengaran dan periwayatan lisan, tanpa disyaratkan kepada perawi hadith untuk menulis hadith-hadith yang didengar. Justeru, faktor tersebut diambil kira sebahagian daripada kayu ukur kepada dapatan kajian terhadap permasalahan ketiadaan dan kekurangan karya-karya tafsir dalam kalangan wanita.

Menerusi dapatan data yang diperolehi dari karya terawal biografi para *mufassirīn* iaitu karya *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* karangan Ismā'il Bāshā al-Baghdādī,<sup>72</sup> serta beberapa karya lain seperti *Mu'jam al-Mufassirīn min Ṣadr al-Islām ḥattā al-'Asr al-Ḥāḍir*<sup>73</sup> karangan 'Ādil Nuwayḥāḍ, *A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmī*<sup>74</sup> karangan 'Umār Riḍā Kuḥḥālāh dan "*al-Mu'allafāt min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī*" karangan Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf.<sup>75</sup>

Konklusinya, kesemua catatan rekod dalam karya-karya tersebut memaparkan satu-satunya nama *mufassir* wanita iaitu Zīb al-Nisā', dan beliau dinobatkan sebagai wanita pertama yang mengarang kitab tafsir menerusi karyanya yang berjudul *Zīb al-Tafāsīr*.

---

menghasilkan karya-karya dalam bidang al-Quran, sejarah, politik, falsafah dan kesusasteraan. HAMKA aktif berdakwah sejak umurnya 17 tahun, menubuhkan Persatuan Hindia Timur di Mekah, pernah menjawat jawatan ketua Majlis Ulama Indonesia selain aktif dalam pertubuhan Muhammadiyah dan Nahdhatul Ulama serta terlibat dalam aktiviti politik dan aktif dengan Partai Masyumi. Lihat HAMKA, *Kenang-Kenangan Hidup* (Jakarta: Bulan Bintang, 1983), 7-10.

<sup>69</sup> Faḍl Ḥasan 'Abbās. *al-Mufassirūn Madārisuhum wa Manāhijuhum*, 18

<sup>70</sup> Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf, *al-Mu'allafāt min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī* (Beirut: Dār Ibn Ḥazim, Beirut, 2000), 14-15.

<sup>71</sup> 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "Min Juhūd al-Mar'ah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm fī al-'Asr al-Ḥādīth", 171.

<sup>72</sup> Ismā'il Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 1:375.

<sup>73</sup> 'Ādil Nuwayḥāḍ, *Mu'jam al-Mufassirīn min Ṣadr al-Islām ḥattā al-'Asr al-Ḥāḍir* (Mu'assasah Nuwayḥāḍ al-Thaqāfiyyah, 1988), 1: 197.

<sup>74</sup> 'Umār Riḍā Kuḥḥālāh, "*A'lām al-Nisā' fī 'Ālamay al-'Arab wa Islāmī*" (Beirut: Muassasah al-Risālah, t.t).

<sup>75</sup> Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf, *al-Mu'allafāt min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī* (Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 2000), 14-15.

### Zīb al-Nisā': Mufassir Wanita Pertama

Zīb al-Nisā' al-Hindiyyah atau Zīb al-Nisā' Bīkum ialah puteri sulung kepada al-Shāh Muḥyī al-Dīn Urnak Zīb 'Ālamkīr, lahir pada tahun 1048H bersamaan 1638M dan wafat pada tahun 1113H bersamaan 1700M,<sup>76</sup> iaitu pada era pemerintahan datuknya Maharaja Shah Jahan. Bapanya al-Shāh Muḥyī al-Dīn (1658M-1707M) terkenal dengan nama "Alamgeer" merupakan Maharaja Mongol keenam di India.<sup>77</sup> Ibunya pula ialah Dilras Banu Begum adalah puteri kepada Shah Nawaz Khan iaitu maharaja yang pernah memerintah negara Iran.<sup>78</sup>

#### Keperibadian dan Latarbelakang Pendidikan

Zīb al-Nisā' merupakan seorang sasterawan dan penyair yang terkenal dengan nama penanya "Makhfi". Beliau sangat mahir bertutur dalam beberapa bahasa iaitu bahasa Urdu, Arab dan Parsi. Kewibawaan peribadinya yang unggul serta kecintaannya kepada ilmu pengetahuan adalah lahir dari sikap bapanya sendiri yang cintakan ilmu dan para ulama'.<sup>79</sup> Bapa Zīb al-Nisā' telah mengupah beberapa orang guru untuknya mempelajari al-Quran, antaranya ialah Maryam al-Kashmīrī. Kecergasan akal serta minat belajar pada diri Zīb al-Nisā' menjadikan beliau cepat mempelajari sesuatu pelajaran yang diajar. Beliau telah menghafal al-Quran ketika umurnya tujuh tahun. Bersempena dengan itu, bapa Zīb al-Nisā' iaitu Maharaja Alamgeer telah mengadakan satu majlis keraian secara besar-besaran serta mengisytiharkan hari bersejarah tersebut sebagai cuti umum<sup>80</sup>.

Zīb al-Nisā' sering didedahkan oleh bapanya dengan mempelajari pelbagai ilmu dalam pelbagai bidang. Beliau mempelajari ilmu sains dengan gurunya Muḥammad Sa'īd Ashraf Mazandarānī, selain mempelajari ilmu matematik, astronomi, falsafah dan juga kesusasteraan. Beliau juga berbakat dan mahir dalam tulisan khat dan kebanyakan hasil tulisannya itu dipamerkan di dalam perpustakaan milik peribadinya.

#### Karya-karyanya

Bakat penulisan Zīb al-Nisā' terserlah semenjak zaman kanak-kanak lagi. Beliau sangat rajin berkarya terutama dalam penulisan syair-syair. Beliau mempunyai beberapa karya syair dan himpunan makalah yang ditulis dalam bahasa Parsi antaranya ialah "*Dīwān Zīb al-Nisā'*" dan "*Zīb al-Munshī'āt*".<sup>81</sup>

Karya beliau yang paling terkenal ialah karya tafsirnya yang berjudul "*Zīb al-Tafāsīr*". Karya ini ditulis dalam bahasa Parsi. Asal perkataan "*Zīb*" adalah dari perkataan bahasa Parsi yang seerti dengan "*Zīnah*" dalam bahasa Arab yang bermaksud perhiasan. Ini bermakna nama Zīb al-Nisā' bermaksud "*Zīnah al-Nisā'*" manakala tafsirnya pula "*Zīb al-Tafāsīr*" bermaksud "*Zīnah al-Tafāsīr*".<sup>82</sup>

Walau bagaimanapun, mutakhir ini wujud beberapa dakwaan dan kritikan yang mempertikaikan tentang keaslian kitab "*Zīb a-Tafāsīr*". Antaranya ialah dakwaan yang menyatakan bahawa karya tafsir

<sup>76</sup> Ismā'il Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 1:375.

<sup>77</sup> 'Ādil Nuwayḥaḍ, *Mu'jam al-Mufasssīrīn min Ṣadri al-Islām ḥattā al-'Asr al-Ḥādīr*, 1:197.

<sup>78</sup> Data berkaitan latar belakang peribadi Zīb al-Nisā' juga terdapat dalam karya "*al-A'lām bi Man fī Tārīkh al-Hind min al-A'lām*", namun pengkaji tidak berjaya untuk mendapatkn data-data berkenaan dari karya tersebut. Selebihnya, data-data terperinci berkaitan latar belakang kehidupan Zīb al-Nisā' hanya diperolehi menerusi info-info yang terdapat dalam laman sesawang atau blog-blog masa kini. Lihat "*Zeb-un-nisa*" laman sesawang *Wikipedia.the free encyclopedia*, dikemaskini 6 September 2013, dicapai 18 September 2013, <http://en.wikipedia.org/wiki/Zeb-un-Nisa>.

<sup>79</sup> 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "*Min Juhūd al-Mar'ah Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Fī al-'Asr al-Ḥādīth*", 177.

<sup>80</sup> "*Zeb-un-nisa*" laman sesawang *Wikipedia.the free encyclopedia*, dikemaskini 6 September 2013, dicapai 18 September 2013, <http://en.wikipedia.org/wiki/Zeb-un-Nisa>.

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "*Min Juhūd al-Mar'ah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm fī al-'Asr al-Ḥādīth*", 177.

"*Zīb al-Tafāsīr*" bukan karya asal karangan Zīb al-Nisā' melainkan ia adalah semata-mata terjemahan kepada karya tafsir "*Mafātiḥ al-Ghayb*" karangan Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī.<sup>83</sup>

Dalam hal ini, suatu penelitian dan pengkajian khusus wajar dilakukan terhadap karya *Zīb al-Tafāsīr*, bagi mendapatkan satu kepastian yang sahih. Lanya penting, agar segala usaha gigih dan sumbangan yang pernah dilakukan oleh seseorang seperti Zīb al-Nisā' wajar dihargai sebagai sanjungan terhadap kegigihan seorang wanita yang mengambil berat tentang kepentingan ilmu tafsir pada zamannya.

## Kesimpulan

Secara tuntas, dapatan kajian dari penelitian terhadap penglibatan *mufassir* wanita dalam bidang tafsir menunjukkan wujudnya peranan dan sumbangan wanita dalam bidang tafsir bermula dari kurun-awal Islam diikuti pada kurun-kurun berikutnya sehingga awal kurun kelapan belas, dengan penglibatan diri mereka secara aktif dalam semua aspek ilmu yang terkait dengan bidang tafsir al-Quran. Penglibatan delegasi pertama kaum wanita yang terdiri dari para *Ummahāt al-Mu'minīn* dalam aktiviti keilmuan bersama Rasulullah SAW telah membentuk *madrasah tafsīr* terawal sehingga berjaya melahirkan beberapa orang wanita dalam kalangan *Ṣaḥābiyyāt* dan tabi'in yang berperanan besar dalam pembinaan ummah menerusi sumbangan mereka dalam bidang tafsir. Walaupun wujud kelompangan besar pada era pembukuan dan penulisan karya tafsir, kerana ketiadaan penghasilan karya tafsir dalam kalangan wanita, namun dengan hasil usaha dan sumbangan Zīb al-Nisā' sebagai *mufassir* wanita pertama yang mengarang kitab tafsir, telah merintis jalan bagi para *mufassirāt* selepasnya sehingga terbukti ketokohan dan kewibawaan seorang *mufassir* wanita setanding dengan para *mufassirīn*.

## Rujukan

- 'Abd Allāh Abū al-Sa'ūd Badr. *Tafsīr Ummul Mu'minīn 'Ā'ishah Radiya Allāh 'Anhā*. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1996.
- 'Ādil Nuwayḥaḍ. *Mu'jam al-Mufassirīn Min Ṣadri al-Islām Hattā al-'Asr al-Ḥādir*. t.tp:Mu'assasah Nuwayḥaḍ al-Thaqāfiyyah, 1988.
- 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd. "Min Juhūd al-Mar'ah "al-Mubṣir Li Nūr al-Qur'ān" Awwal Juhd Kāmil Fī Tafsīr Li al-Mar'ah Ḥadīthan". Makalah Seminar The 2nd Annual International Quranic Conference 2012, anjuran Centre of Quranic Research (CQR) University of Malaya Kuala Lumpur, 22-23 Februari 2012.
- 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd. "Min Juhūd al-Mar'ah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm fī al-'Asr al-Ḥadīth". *Majallah Kuliyyah Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, Qatar University, Bil 25, 2007.
- Aḥmad bin 'Aliy bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Al-'Ak, Khālīd 'Abd Raḥmān, *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'duh* ( Beirut: Dār al-Nafā'is, 1994), 33.

<sup>83</sup> Lihat "al-Mufassirah al-Hindiyyah (Bikum); Hal Hiya Awwalu Man Fassara al-Qur'ān Min al-Nisā', laman sesawang *Multaqā Ahl Tafsīr*, dikemaskini 14 Julai 2006, dicapai 25 September 2013, <http://vb.tafsir.net/tafsir6056/>. Lihat Muḥammad Sālik Muḥammad Fāl, "al-Mar'ah Wa al-Tafsīr; al-Ḥādir al-Ghāib!" laman sesawang *Markaz Āfāq Li al-Dirāsāt Wa al-Buḥūth*, dikemaskini 17 Februari 2013 dicapai 26 September 2013, <http://aafaqcenter.com/index.php/post/1529z>. Lihat juga "Awwalu Man Fassara al-Qur'ān Min al-Nisā'", laman sesawang *Muntadiyāt Shabāb Palestīn*, dikemaskini 7 Oktober 2007, dicapai 15 September 2013. *Zīb al-Tafāsīr* merupakan sebuah karya tafsir yang dikarang dalam bahasa Parsi. Justeru, ia menjadi kekangan kepada pengkaji untuk memahami isi kandungan serta maklumat dari teks asal karya tersebut serta sukar untuk membuat kepastian terhadap beberapa kritikan serta dakwaan yang mempertikaikan tentang keaslian kitab tersebut. Sehingga kini, ketiadaan sebarang ulasan dan kritikan lain yang ditemui berkenaan dakwaan sedemikian, juga tiada kajian ilmiah terperinci dilakukan terhadap karya tersebut setakat ini.

- Al-Baghdādi, Ismā'il Bāshā. *Hadiyyah al-Ārifin Asmā' al-Mu'allifin wa Athār al-Muṣannifin*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥussayn. *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān. *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996.
- Fā'izah binti Ḥamzah 'Abbās. "Ṣuwar min 'Iṣāmāt al-Mar'ah al-Andalūsiyyah fī al-Ḥayah al-Thaqāfiyyah fī 'Aṣr al-Ṭawā'if". Makalah *Jurnal Kuliyyah al-Tarbiyyah al-Asāsiyyah*, Jilid 3 Bil 3, 2005.
- Faḍl Ḥasan 'Abbās. *Al-Mufasssīrūn Madārisuhum wa Manāhijuhum*. Amman: Dār al-Nafā'is, 2007.
- Fahd 'Abd Raḥmān Ibn Sulaymān al-Rūmī. *Buhūth fī Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuhu*. t.tp: Maktabah al-Tawbah, 1997.
- Fauzi Deraman et al., *Pengantar Usul Tafsir*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Intel Multimedia and Publication, 2006
- HAMKA. *Kenang-Kenangan Hidup*. Jakarta: Bulan Bintang, 1983.
- Jamāl al-Dīn Abī al-Faraj Ibn al-Jawzī. *Ṣifah al-Ṣafwah*. cet.ke-2 Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.
- Al-Karkar, 'Iṣmah al-Dīn al-Mar'ah fī 'Ahd al-Nabawī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993.
- Mannā' Qaṭṭān. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah : Maktabah Wahbah, 1988.
- Mohammad Akram al-Nadwī. *al-Muḥaddithāt: The Women Scholars in Islam*. Oxford, London: Interface Publications, 2007.
- Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥmān al-Mughrawī. *al-Mufasssīrūn Bayna al-Ta'wīl wa al-Ithbāt fī Āyāt al-Ṣifāt*. Muassasah al-Risalah, t.t..
- Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf. *al-Mu'allafāt Min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 2000.
- Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Min Rawā'i' al-Bayān*. Damsyik : Maktabah al-Farabī, t.t.
- Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *Kawākib al-Nisā'*. cet.ke-2, Baitul Maqdis: Maṭba'ah al-Risalah al-Maqdasiyyah, 2008.
- Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Khayr, 1994.
- Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi. *Taṣwībāt Fī Fahm Ba'd al-Āyāt*. Damsyik : Dār al-Qalam, 1995.
- Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi. *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*. cet.ke-5, Damsyik: Dār al-Qalam, 2012.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr. *Al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bab al-Ḥalabī, 1998.
- Al-Suyūṭī. Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān Abī Bakr, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.
- 'Umar Riḍā Kahhālah, *A'lām al-Nisā'*, Beirut: Mu'assasah Risalah, 1996.
- Al-Zarkashī, Muḥammad bin 'Abd Allāh. *Al-Ijābah li Irād Mā Istadrakathu 'Ā'ishah 'Alā al-Ṣaḥabah*. cet.3 Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1980.
- Al-Zirikī, Khayr al-Dīn. *al-A'lām*. Beirut : Dār al-'Ilmi li al-Malāyīn, 1995.
- Zulkifli Hj.Mohd Yusoff, *Kunci Mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd., 1996.